

KEBUDAYAAN ISLAM

KEBUDAYAAN ISLAM CUKUP TEGUH DI INDONESIA



Pada kali ini Qalam dengan gemarnya menyajikan karangan “Tuan Omar Amin Hussain” penyelidik kebudayaan yang terkenal dan banyak karangannya yang berharga dalam lapangan ini. “Kebudayaan Islam cukup utuh di Indonesia, demikian tajuk karangannya yang kita turunkan di sini dari majalah “Hikmah” -P.Q.

(Oleh Omar Amin Hussain)

Sebahagian besar dari perjuangan pemberontakan kebangsaan di Indonesia. Ada orang yang menganggap sudah selesai. Akan tetapi sebahagian besar dari pemberontakan Islam dalam Republik Indonesia belumlah selesai. Hal ini adalah kerana akibat dari 350 tahun lamanya umat Islam terjajah di Indonesia. Akibat penjajahan selama ini telah menyebabkan membekunya fikiran sebahagian besar umat Islam dalam segala lapangan.

Agama Islam, oleh siasah penjajahan Belanda, disalurkan kepada suatu saluran sehingga ia merupakan agama ibadat semata-mata. Dengan demikian, bertahun-tahun lamanya bangsa Indonesia menganggap bahawa agama Islam itu hanyalah semata-mata ibadat. Masjid hanya boleh digunakan untuk sembahyang. Padamlah api politiknya, padamlah ghairah kebangsaannya dan padamkanlah segala sesuatu yang dapat membangunkan umat Islam dari tidurnya. Barang sesiapa yang menganggap masjid-masjid Islam itu semata-mata untuk ibadat, samalah pandangan hidupnya dengan pandangan orang-orang besar Belanda penjajah dahulu.

Apa yang menyebabkan umat Islam Indonesia bangun dalam tahun 1905, apa yang menyebabkan Haji Samanhudi mendirikan “Sarekat Islam” pada masa itu? Kalau dipandang dari segi politik, hampir tidak ada ertinya kalau kita bandingkan dengan gelora politik yang dihadapi sekarang ini. Kebangunan ini sebenarnya tidak didatangkan dari luar, akan tetapi, datang dari dalam. Umat Islam di Tanah Jawa sudah mulai kelaparan.

Kerana menurutkan nasi sepiring, mereka rombongan demi rombongan, meninggalkan kampung halamannya, meninggalkan tepian tempat mandinya, meninggalkan sahabat dan kekasihnya, meninggalkan orang tua yang dicintainya, pergi mengikutkan modal Belanda yang membuka kebun-kebun di seluruh tempat di Kepulauan Indonesia. Bahkan menurut dan mengikuti kaum modal itu sampai jauh ke luar tanah air, seperti ke Suriname di Amerika Selatan, ke New Caledonia jajahan Perancis, dan ke Malaya jajahan Inggeris.

Diikat dengan suatu rantai yang dinamakan “kontrak”,

menjadilah mereka “orang kontra” yang disediakan

untuk dirosakkan peribadinya. Dirosakkan kehormatannya, sehingga taraf kehidupan mereka serupa dengan haiwan. Bagi pembaca yang sudah pernah tinggal di Deli, cukuplah kiranya mengetahui keadaan ini sebagai suatu kemalangan kebangsaan yang penuh diliputi air mata dan ratap tangi menyayat kalbu.

Yang masih sempat tinggal di kampung halamannya, yang masih bebas menghadapi politik “pecah-pecahkan kemudian perintah” dari penjajah, sehingga yang menyerang dan menghancurkan “Pangeran Deponogoro” bukan lagi orang Belanda yang menyerang dan memusnahkan kekuatan “Imam Bonjol” dan lain-lainnya bulan lagi tentera Belanda, akan tetapi orang-orang Indonesia sendiri.

Saat Matang

Kekacauan kebangsaan yang berjalan beratus-ratus tahun mencapai puncak pada tahun 1945, ketika penjajah Jepun hendak menghabiskan semua orang Indonesia yang berumur dari 20 tahun ke atas. Sehingga tinggal lagi hanya pemuda-pemuda yang dapat diatur dan dikendalikan menjalankan politik Asia Timur Raya. Kalau yang demikian ini berhasil, kita tidak akan menjumpai lagi parti-parti seperti Masyumi, Nahdhatul ‘Ulamā’, Parti Syarikat Islam, Parti Nasional, parti Komunis dan lain-lainnya yang pada 29 September yang lalu berjuang untuk kejayaan politik negaranya dalam pilihan umum.

Tahun 1945 itu dapat dianggap sangat matangnya penderitaan Nasional bangsa Indonesia seluruhnya, di mana setiap orang merasai bahaya yang sama dan inilah detik sejarah yang memulai menghantarkan bangsa Indonesia ke pintu gerbang kemerdekaannya. Pemberontakan kebangsaan Indonesia sudah hampir selesai. Akan tetapi pemberontakan kebudayaan masih jauh dari penyelesaiannya.

Peperangan Kebudayaan

Sebahagian orang Indonesia sangat berbesar hati dengan tercapainya hasil kemerdekaan kebangsaan Indonesia ini, sehingga sedemikian kegembiraan itu menjadikan ia mabuk kebangsaan. Ia lupa akan dirinya pernah kita dengar golongan ini berkata: “Bahawa dalam zaman nasional ini tidak perlu lagi kita mengucapkan perkataan “Assalamualaikum” kerana ini adalah kebudayaan asing yang diimport (dibawa masuk-P.) dari negeri Arab. Sekarang cukuplah kalau kita berkata sahaja: “Bes.”

Pada hal harus ia tahu bahawa “Assalamualaikum” itu sudah menjadi sebahagian dari kebudayaan Indonesia, yang tetap diucapkan oleh ibu bapanya, nenek, kakak dan datuk beratus-ratus tahun lamanya dengan demikian ia dengan sendirinya telah memancing peperangan kebudayaan di dalam kalangan bangsa sendiri. Peperangan kebudayaan ini tidak jauh bezanya dengan politik “pecah-pecahkan kemudian perintah” yang dilakukan oleh penjajah dahulu.

Kemudian ada pula golongan yang meneriakkan bahawa Tuhan tidak ada. Yang ada hanyalah “hantu” (palingan dari Tu-Han) kejadian ini telah menimbulkan “peperangan dasar” yang menjadi asas dan tujuan utama di antara bangsa Indonesia yang beragama. Golongan ini tetap berusaha ke arah “Indonesia tidak bertuhan”. Dengan jalan menegakkan suatu kebudayaan baharu yang dinamakannya “kebudayaan rakyat”.

Apakah benar bangsa Indonesia sekarang ini dapat disebut rakyat tidak bertuhan sehingga “gerakan tidak bertuhan” ini harus dinamakan “kebudayaan rakyat? Soal ini terjawab pada 29 September yang lalu. Terbukti dari suara-suara yang diperoleh Masyumi, Nahdhatul ‘Ulamā’, Parti Nasional, dan Parti Syarikat Islam serta parti-parti bertuhan lainnya.

Dengan demikian golongan ini bukan sahaja telah menimbulkan peperangan kebudayaan di tengah-tengah bangsa Indonesia

akan tetapi sebenarnya telah melakukan serangan kebudayaan Indonesia yang bersungguh-sungguh. Kalau gerakan-gerakan penyerangan kebudayaan yang seperti ini tidak lekas dibatasi di Indonesia maka Indonesia tidak lama lagi akan tenggelam di dalam peperangan saudara. Kerana itulah “gerakan tidak bertuhan” ini harus selekas-lekasnya disekat, kalau belum dapat dihapuskan.

Sebab dan Musababnya

Apa sebab “gerakan kebudayaan tidak bertuhan” ini sedemikian hebat dilancarkan di dunia sekarang ini? Menurut penyelidikan-penyelidikan dari ahli-ahli kebudayaan dunia bahawa kebudayaan Barat tidak lama lagi akan menemui keruntuhannya pada saat runtuhnya kelak kebudayaan Barat itu maka sebahagian dunia akan menjadi daerah kosong dari kebudayaan.

Dan untuk itu, dimulailah mendirikan tempat kebudayaan baharu. Selain daripada itu, ada perubahan-perubahan keadaan yang lain iaitu pertentangan politik antara negara-negara kapitalis dengan negara-negara komunis. Pada umumnya negara-negara kapitalis itu mempunyai kebudayaan bertuhan dan negara-negara komunis mempunyai kebudayaan tidak bertuhan.

Profesor Jibril Ibrahim Jibril, guru ilmu kebudayaan di Universiti Cambridge, di tanah Inggeris menyatakan bahawa dunia sekarang menunggu saatnya sahaja lagi akan kerobohan kebudayaan Barat. Soalnya hanya terletak pada masa belaka.

Mendiang George Bernard Shaw seorang besar kebudayaan, dan sebagai manusia budaya yang bertuhan, dalam bukunya “Back to Mithuselah” dengan terang-terang menyatakan bakal robohnya kebudayaan Inggeris. Sungguhpun demikian, pada penutup bukunya ia menegaskan bahawa yang akan kekal hidup ialah kebudayaan bertuhan.

Adapun alasan-alasan yang digunakan oleh Profesor Jibril

Ibrahim Jibril dalam pokok fikirannya tentang dalil akan berakhirnya kebudayaan Barat ialah kerana kebudayaan Barat sekarang tengah meluncur deras sekali, lepas dari “perasaan peribadi”. Sekarang di barat itu hasil seni dianggap tidak menjadi “tanggungjawab peribadi lagi”. Ia terlepas dari tanggungjawab peribadi, atau dengan lain kata, bahawa seni itu tidak terikat dengan ketentuan-ketentuan dari nilai-nilai kebudayaan lama. Mereka berjuang mematahkan sesuatu yang disangkanya mengikat dirinya.

Yang menjadi nilai dalam seni ialah hasil keindahan. Segala keindahan itu dalam keharusan kebudayaan adalah hak seni yang mutlak. Akan tetapi di dalam keharusan kebudayaan yang memegang peranan yang terpenting ialah “perasaan peribadi”. Perasaan peribadi ini yang menilai, adakah ia seni atau tidak. Tidak semua benda yang indah dapat dipandang sebagai hasil seni.

Seorang perempuan cantik yang mandi bertelanjang dalam sungai Celeong potongannya sangat indah, akan tetapi semua mata yang terpanjang kepadanya mencuba menoleh ke arah lain. Benda itu indah akan tetapi bukan seni. Kerana berlawanan dengan “perasaan peribadi” sedang perasaan peribadi ini menjadi dasar kebudayaan yang utama. Hal ini masih hidup di Indonesia.

Kalau perasaan peribadi ini terlepas dari sesuatu kebudayaan, maka yang menjadi nilai seni ialah keindahan semata-mata. Melihat perempuan cantik bertelanjang bulat di hadapan orang ramai tidaklah menjadi halangan lagi dan kalau-kalau wanita Indonesia sudah sampai kepada tingkatan perasaan, bahawa tubuhnya itu adalah benda seni, maka hasil keseniannya itu harus diperuntukkannya di hadapan khalayak ramai. Peraduan-peraduan kecantikan yang sekarang setiap tahun dilakukan orang di dunia barat, adalah menuju kepada tanda-tanda ini. Dan saat yang demikian itu, sampai di Indonesia

-sambungan dari muka 16
kelak. Maka hapuslah “perasaan peribadi” lepaslah manusia
Indonesia dari tanggungjawab peribadi, dan pasarana
agama tidak akan laku lagi. Parti-parti bertuhan yang ada
sekarang di Indonesia harus akan segera dibubarkan.

Kebudayaan Barat

Kalau kita lihat sekilas pandang kepada perjalanan
sejarah kebudayaan Eropah. maka perkisaran kebudayaan
mereka dimulai dalam zaman kaum Impressionis akan
tetapi semenjak tahun 1942 kaum ini telah digantikan oleh
golongan yang dinamakan Realis. Profesor Jibrin Ibrahim
Jibrin menyebutkannya dengan perkataan Surealis. Mereka ini
telah duduk di atas takhta kekuasaan dan kebesarannya
sampai kepada permulaan tahun 1940 yang lampau.

Golongan “Surealis” ini bukan sahaja telah
menolak adanya “perasaan peribadi” dalam seni, bahkan
mereka pun telah menolak dan tidak mengendahkan
keindahan yang ditimbulkan walaupun oleh “perasaan”
sahaja. Mereka memandang manusia ini, seolah-olah sebagai
manusia budaya dan seni semata-mata, dengan tiada
peribadi dan agama. Sampai pada permulaan perang
dunia kedua yang lalu, pendapat “Parbid” (Parvid –
penganjur “Surealis” ini, orang Barat menganggapnya
sebagai “Angel” kaum kebudayaan dan seni. Sebenarnya,
kalau tidaklah menyala perang dunia yang kedua nescaya dunia Barat
serta dunia yang menjadi jajahan takhluknya akan kehilangan
Tuhan. Oleh itu, perang dunia itu dianggap sebagai
adat kelaziman dari suatu keadaan kepada keadaan yang lain.

Perang dunia kedua, telah menyebabkan faham ini runtuh,
meskipun di sana sini masih terdapat beberapa pendokongnya

yang setia walaupun sebahagian dari antara mereka masih
hidup akan tetapi tidak berharga lagi, tambahan pula
tidak mempunyai pengaruh dan daya.

Orang-orang Parti Komunis Indonesia tidak
akan berhasil menarik orang-orang Indonesia menjadi
anggotanya kalau mereka menerangkan apa yang sebenarnya faham
komunis itu. Untuk kepentingan propaganda, dinyatakannya
bahawa komunis mendokong agama-agama dan menjunjung
cita-cita Nasional bahkan lebih daripada itu, kalau Parti
Komunis menang dalam pemilihan umum Bong Karno akan
tetap menjadi Presiden Republic Indonesia.

(bersambung)

BACALAH! CETAK YANG KEDUA

ABU BAKAR AL-SIDDIQ

oleh

Abdullah Basmeh

Dua penggal tamat

Senaskhah \$1.20 – pos 10 sen

Pintalah kepada:

QALAM

356 & 358 Geylang Road,

SINGAPORE, 14.